

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 5.

BANDAR BRUNEI, RABU, 4 MARCH, 1959. (24 Sha'aban 1378)

PERCHUMA

BERIBU2 RA'AYAT SAMBUT DUKE

PERSAHABATAN YANG MESRA

Ajong "Sindawon" untok Prince of Wales

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh yang telah melawat ka-Brunei pada 28 February yang lalu telah di-sambut dengan meriah-nya oleh Duli Yang Maha Mulia, kerajaan baginda dan ra'ayat jelata negeri ini.

Bandar ini telah penuh sesak kerana beribu2 orang dari jauh dan dekat telah datang mengalu2kan kedatangan Yang Teramat Mulia itu.

JAMUAN NEGARA

Pada malam hari itu satu jamuan negara telah diadakan di-Istana Darul Hana kerana meraikan tetamu Diraja dan Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan-nya mengalu2kan kedatangan Duke di-antara lain2 telah bertitah :

"Sa-sungguh-nya beta berasa megah atas kejujuran dan kehormatan yang telah di-limpahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ka-atas beta sakalian dengan mengizinkan Yang Teramat Mulia datang melawat ka-Negeri Brunei.

"Beta ketahui bahawa ra'ayat beta berasa bangga dan bergembira menyambut Yang Teramat Mulia yang berada bersama2 dengan beta sekalian.

"Lawatan Yang Teramat Mulia akan mengokohkan tali persahabatan yang telah terjalin dan terujud sa-lama ini di-antara Baginda Queen turun temurun dengan Sultan2 serta ra'ayat Negeri Brunei. Beta memohon agar Yang Teramat Mulia dapat menyampaikan kepada Baginda Queen perasaan muhibbah dan mesra daripada beta sendiri dan kerajaan serta ra'ayat beta.

ADAT ISTIADAT

"Beta harap dalam lawatan yang sabagini singkat Yang Teramat Mulia akan dapat melihat sendiri sa-dikit sa-banyak adat istiadat dan kehidupan ra'ayat, jua bagaimana keadaan Negeri Brunei pada masa ini dan beta yakin bahawa lawatan Yang Teramat Mulia ini akan menjadi satu chatetan yang kekal abadi dalam lipatan sanubari-nya sa-bagaimana yang akan terchipta dalam ingatan beta sakalian".

Yang Teramat Mulia Duke dalam ucapan balasan-nya telah berjanji bahawa beliau akan menyampaikan titah Duli Yang Ma-



ha Mulia kepada Baginda Queen.

Yang Teramat Mulia itu berharap bahawa Baginda Queen akan mendapat kesempatan melawat Negeri Brunei untok mengokohkan lagi tali persahabatan yang ada sekarang.

Duke telah menutup ucapan-nya dengan harapan bahawa Duli Yang Maha Mulia, kerajaan Brunei dan ra'ayat negeri Brunei kekal dalam kema'moran dan kebahagiaan.

Yang Teramat Mulia itu telah di-sambut di-lapangan kapal (Lihat Muka 8)

Dalam istiadat menyampaikan hadiah kepada ahli2 keluarga Dirja British menerusi Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh sa-masa beliau mengunjongi Duli Yang Muha Mulia di-Istana Darul Hana pada petang 28th February yang lalu ia-lah sa-buah perahu Ajong untok Yang Teramat Mulia Prince of Wales, anakanda Baginda Queen dan Yang Teramat Mulia Duke.

Ajong yang di-namakan Sindawon itu ia-lah sa-buah kenderaan pembesar negara pada zaman purbakala. Ia-nya mempunyai tidak

kurang dari 60 orang pekayoh Sama ada beratap atau tidak buritan-nya berkundang charek.

Ukiran2 pada perahu itu di-namakan Charuk dan Bunga Kembang Kiapu di-haluan, Pahantan Chawi di-tengah di-bawah tutup, Buritan Garai pada buritan, tadeknya Bunga Bergubah, kundang Bunga Tembuakar dan penyandaran Bunga Aliran Zaman.

Nama kayu yang di-gunakan ia-lah : Mengaris, impas, meraka merah, jenis kabong layan, palah, nibong kelapa, pinang dan luba.

Chontoh ajong yang di-hadiahkan itu 98 paun berat 11 kaki 8 1/2 inci panjang dan boleh di-naiki oleh 2 orang yang berjumlah 240 paun berat-nya.

Bentuk dan ukiran ajong itu telah di-reka oleh Pengiran Momin bin Pengiran Othman dan telah di-laksanakan oleh tukang2 Melayu Brunei dan di-chat oleh dua orang tukang chat China dari Pejabat Kerja Raya.

Berdiri dari kiri : Pengiran Hj. Sulaiman bin P. Momin, Pengiran Momin bin P. Othman, Pehin Bendahari M. Taha, Pengiran Hj. Ismail bin P. Haji Damit, Ho Chuan dan sa-orang lagi.

Duduk dari kiri : Yahya bin Dollah, Sapor bin Rahman, Pengiran Abu Bakar bin P. Mohamed, Pengiran Besar bin Pengiran Hassan, Ibrahim bin Dera-man dan Kasmurju bin Maturju.

Tahniah Duke kepada Sultan atas sambutan yang meriah

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh telah mengirim sa-puchok kawat tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei atas sambutan muhibbah yang telah di-terima-nya sa-masa berada di-Brunei.

Kawat yang di-kiriskan oleh Duke dari Borneo Utara kepada Duli Yang Maha Mulia itu berkata :

"Beta berasa gembira dapat bertemu sa-kali lagi dengan Duli Yang Maha Mulia. Sekarang beta berasa kita ada-lah seperti orang yang telah lama bersahabat.

"Beta ucapkan terima kasih jua atas kemurahan dan kera'ian yang sangat mengembirakan itu.

"Beta harap Duli Yang Maha Mulia bergembira sa-masa melawat ka-United Kingdom kelak tetapi beta dukachita kerana tidak dapat bersama menyambut Duli Yang Maha Mulia.

"Beta berdoa mudah2an Duli Yang Maha Mulia dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia sentiasa dalam kebahagiaan."

SULTAN MENYERU IBU BAPA BELAJAR UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia dalam titahnya menyambut keluaran pertama penyata sekolah2 agama Brunei menasihatkan ra'ayat supaya menghantar anak2 mereka sama ada laki2 atau perempuan ka-sekolah2 agama.

Baginda ada-lah juga menasihatkan ibu bapa supaya belajar dengan guru2 agama di-kampung2 dalam masa kelapangan mereka sa-sudah mengajar di-sekolah.

Penyata itu telah di-luluskan oleh Ketua Pejabat Agama Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Haji Mohamed Alam untuk di-umumkan.

Menurut penyata tersebut Brunei mempunyai 29 buah sekolah agama dan murid2-nya dari murid2 darjah tiga ka-atas di-sekolah2 Melayu ia-lah sa-ramai 1,874 orang.

Mereka itu di-ajar oleh 57 orang guru laki2 dan perempuan dan pada hujung tahun lepas 1,055 orang murid telah lulus dalam peperiksaan.

Penyata itu menegaskan bahawa beberapa perkara yang difikirkan mustahak kerana perkembangan pelajaran agama di-negeri ini belum lagi dapat di-laksanakan oleh sebab kekurangan pegawai2.

Di-antara-nya ia-lah ujian Koran dan dan ujian sharahan agama di-antara murid2. Kekurangan pegawai itu telah juga menyebabkan guru2 agama tidak dapat di-hantar mengajar di-19 buah sekolah Melayu.

Penyata itu telah membidas chara pehak yang berkuasa mendatangkan guru2 agama yang telah di-pilih di-Malaya.

"Mereka itu di-datangkan sa-chara runchit2 dan pada hujung tahun lepas sa-ramai lima orang guru yang telah di-pilih di-Malaya untuk berkhidmat di-negeri ini belum lagi sampai ka-Brunei," kata penyata itu.

Pelajaran agama ada-lah memberi kesan lebeh baik kepada murid2 di-kampung dari murid2 di-bandar. Ini ia-lah kerana murid2 di-bandar khayal dengan

permainan, wayang gambar dan pengaruh agama lain.

Sa-lain dari itu penyata itu mengeshorkan :

- * Penubohan jawatan kuasa pertadbiran sekolah agama.
- * Penubohan maktab latehan perguruan agama dan
- * Lantekan superintendent, nazir, penyelia dan guru2 kumpulan.

Penyata yang di-keluarkan tiga tahun sa-kali itu di-jangka akan siap di-chetak tidak lama lagi.

PENGIRAN MUDA BANTU PERSATUAN MUSIK SOAS

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanul Bolkiah, putera sulong Duli Yang Maha Mulia bersama tiga orang adinda-nya telah menuntun sandiwara Hansel and Gretel yang di-persembahkan oleh Persatuan Musik Sultan Omar Ali Saifuddin College di-sini pada malam 21 Feberuary lepas.

Sandiwara itu telah di-adakan di-dewan maktab tersebut untuk derma persatuan musik tersebut dan telah di-arahkan oleh Pengetua-nya Tuan L.A. Bradshaw.

Persembahan itu telah mendapat sambutan baik dan para penuntun di-katakan telah berpuas hati dengan lakunan itu sa-lama sandiwara itu di-persembahkan pada malam 19, 20 dan 21 February.

Kutipan sa-banyak kira2 \$1,000 telah di-perolehi sa-masa di-langsungkan sandiwara tersebut.

Ini-lah kali kedua persatuan musik itu mengadakan sandiwara di-dewan maktab Sultan Omar Ali Saifuddin College. Persatuan

Sekolah Chuti Bulan Puasa

BANDAR BRUNEI. — Kira2 8,000 orang murid laki2 dan perempuan dari sekolah2 Melayu dan Inggeris Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei akan berchuti bulan puasa dan kelapasan penggal pertama mulai minggu kedua bulan ini.

Sekolah2 Melayu mengandongi kira2, 7,000 orang murid, antara-nya kira2 2,300 orang di-sekolah2 Bandar Brunei dan Kampung Ayer. Sekolah2 itu akan di-tutup mulai hari Thalatha 10 March dan di-buka balek pada hari Ahad 26 April.

Sekolah2 Inggeris akan di-tutup pada hari Ahad 8 March dan di-buka balek pada hari Ithnin 4 May....

DARJAH 7 MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Darjah tujuh sekolah Melayu mungkin di-adakan bagi kali pertamanya di-negeri ini di-sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam di-sini dalam tahun ini.

Sa-ramai hampir 100 orang murid yang telah lulus peperiksaan darjah enam dari sekolah itu maseh datang ka-sekolah saperti biasa semenjak sekolah itu dibuka sa-telah habis chuti hujung tahun lepas.

Darjah tujuh di-sekolah Melayu telah di-ranchangkan dalam tahun lepas untuk di-adakan di-sekolah SMJA tetapi oleh kerana kekurangan murid2 yang telah lulus peperiksaan darjah enam pada hujung tahun 1957 ranchangan itu telah di-tanggohkan.

Permintaan hendak mengadakan darjah yang tinggi sa-kali di-sekolah Melayu serta mata pelajaran-nya telah di-sampaikan kepada kerajaan untuk di-timbangkan.

Di-antara mata pelajaran itu ia-lah bahasa Inggeris.

Apabila permintaan itu di-luluskan kelak murid2 itu akan di-bahagikan kepada tiga darjah satu2 darjah itu akan mengandongi lebeh 3 orang murid.

DERMASISWA SHARIKAT B.S.P.

SERIA. — Kumpulan sharikat minyak Shell di-Borneo telah menawarkan dermasiswa lagi sa-bagai tambahan pada dermasiswa yang telah di-hadiahkan kepada penuntut2 dari Borneo.

Dalam satu siaran-nya sharikat itu berkata bahawa dermasiswa itu akan di-hadiahkan tidak lama lagi kepada penuntut2 yang difikirkan-nya akan mendapat faedah dari pelajaran yang lebeh tinggi di-seberang laut.

Satu dermasiswa akan di-hadiahkan kepada penuntut2 dari Brunei yang telah di-hadiahkan dermasiswa dalam tahun 1956. Dermasiswa baharu itu ia-lah untuk mempelajari ilmu teknologi di-university seberang laut.

Dua dermasiswa akan di-hadiahkan kepada penuntut2 dari Borneo Utara, satu untuk belajar di-maktab teknikal dan satu di-university.

Dermasiswa seberang laut kepada penuntut2 dari Sarawak ada-lah sama saperti Brunei ia-itu satu untuk belajar di-university dan dua di-maktab teknikal.



DULI PENGIRAN MUDA

itu telah mempersembahkan lakunan tragidi "Macbeth" pada bulan October tahun lepas.

Oleh kerana kejayaan-nya mempersembahkan sandiwara2 tersebut, pengetua maktab itu, Tuan L. A. Bradshaw berkata bahawa mungkin Persatuan Musik Sultan Omar Ali Saifuddin College itu mempersembahkan lakunan sejarah King Henry Kelima pada pertengahan tahun ini.

Pembesar2 Negeri Brunei yang turut menuntun bersama Duli Pengiran Muda itu ia-lah Yang Berhormat Tuan D. C. White, British Resident, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Haji Mohamed Alam dan isteri, Pegawai Pelajaran Negeri Brunei, Tuan H. J. Padmore, dan Bendahari Negeri Brunei, Tuan E.W. Cousens.

SEKATAN UMOR KA-ATAS MURID2 SEKOLAH CHINA

BANDAR BRUNEI. — Umore murid2 yang di-terima masuk ka-sekolah Chung Hwa Middle School di-sini telah di-naikkan kepada sa-kurang2-nya enam tahun tidak lima tahun saperti tahun2 yang sudah.

Sekatan ini telah di-ambil kerana bangunan sekolah itu telah menjadi sempit di-sebabkan murid2 telah bertambah ramai.

Pada tahun lalu murid2 sekolah itu ia-lah 850 orang berbandingan dengan 970 orang dalam tahun ini.


Sekolah yang mempunyai 27 buah darjah itu lengkap dengan perkakas sains dan lain2 pelajaran. Ia juga mempunyai sa-buah kutub khanah.

Kebanyakan dari buku2 dalam kutub khanah itu ia-lah dalam bahasa China, Inggeris dan Melayu.

"Oleh sebab pelajaran Melayu mustahak di-negeri ini, buku2 Melayu di-kutub khanah itu akan di-tambah lagi dan beratus2 buah buku bacaan dalam bahasa Melayu dan Inggeris akan di-pesan dari Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu," kata sa-orang juruchapak sekolah tersebut.

KILANG BATU CHAMPORAN "HOT MIX" DAN PAIP AYER

KELUARKAN 260 TAN SA-HARI



Gambar di-atas, kiri: Pemandangan menunjukkan "hot mix" sedang di-muatkan ka-dalam sa-buah lori; kanan: sa-orang pekerja sedang menchuba sa-buah jentera yang di-gunakan untuk menimbang batu dan pasir; bawah: pemandangan 'am Kilang Batu Champoran "Hot Mix" itu.



Perusahaan Paip Ayer



Gambar di-atas menunjukkan pekerja2 kilang paip ayer sedang menyiapkan paip2 yang di-buat di-situ.

Tidak jauh dari kilang hot mix yang seluroh-nya di-namakan Berakas Depot itu ia-lah kilang paip ayer yang di-buat dari champoran batu, pasir dan semen.

Saperti hot mix plant, kilang paip itu ia-lah satu perusahaan yang di-banggakan oleh Pejabat Kerja Raya Negeri ini.

Ia-nya mengeluarkan paip2

yang baik sa-kali di-negeri ini dan telah mendapat pujian daripada sa-orang paker paip ayer yang di-datangkan dari Singapura untuk menguji kekuatan paip keluaran kilang itu.

7,000 PAUN SA-INCHI

Beliau berpendapat bahawa paip2 itu kuat dan boleh menahan tekanan sa-hingga 7,000 paun pada satu inci persegi, ia-itu lebih kuat dari paip2 ayer yang di-keluarkan oleh sharikat-nya.

Paip2 yang di-keluarkan oleh kilang itu di-gunakan di-seluruh negeri ini untuk menyalorkan ayer. Ukoran atau besar paip itu ia-lah dari 18 inci hingga 42 inci pada garisan tengah-nya.

Oleh sebab tinggi mutu paip yang di-keluarkan oleh kilang itu beberapa permintaan telah diterima dari Sarawak dan Borneo sa-kira-nya Brunei dapat membekalkan paip kepada Utara negeri2 itu.

KEPENTINGAN NEGERI

Permintaan itu terpaksa di-tolak buat sementara waktu kerana paip2 yang di-keluarkan ini belum lagi menchukupi untuk kepentingan Negeri Brunei.

Tetapi pehak yang berkuasa Pejabat Kerja Raya telah menyimpan dalam peringatn permintaan tersebut dan berharap akan dapat memenohi-nya tidak berapa lama lagi.

Sa-lain dari mengeluarkan batu hot mix dan paip ayer, Berakas Depot itu ada-lah juga menjalankan beberapa perusahaan kecil kerana keselamatan jalan.

Satu daripada-nya ia-lah membuat tanda2 jalan yang dahulu-nya di-usahakan oleh pejabat2 Municipal.

Tiang2 batu yang menunjukkan jauh jalan juga di-buat di-depot itu. Demikian juga champoran semen untuk menimbus lobang2 pada jalan dan champoran minyak bitumen untuk merapatkan batu jalan.

Satu dari berbagai2 perusahaan yang di-jalankan oleh kerajaan yang jarang2 mendapat perhatian yang sa-patut-nya ia-lah kilang pembanchoh batu dan kilang paip ayer di-Berakas, lebih kurang 3½ batu dari Bandar Brunei.

Ini ia-lah agak-nya oleh kerana kilang itu di-uruskan dengan baik dan orang ramai menganggap perkara itu satu perkara yang biasa sahaja.

Kilang itu telah di-dirikan dalam tahun 1956 dan lebih terkenal dengan nama "Hot Mix Plant — Berakas Depot." Ia-nya ada-lah kilang yang tunggal samacham itu di-Borneo.

Jentera hot mix itu telah dipesan dari Germany dan pada masa ini mengeluarkan 260 tan batu2 kechil dan pasir yang telah di-gaul dengan minyak bitumen untuk melapek asas jalan2 raya negeri ini supaya muka-nya rata dan tidak membahayakan kereta2 yang menggunakan-nya.

Batu kechil dan pasir yang di-banchoh dalam dapur jentera di-salorkan dari sa-buah bangunan tempat menyimpan batu dan pasir. Batu dan pasir itu di-uji di-timbang berat-nya supaya bualan dan besar-nya tidak lebih atau kurang dari yang di-kehendaki.

PANAS 350 DARJAH

Batu2 yang kechil itu besar dari yang hendak di-gunakan adalah di-tolak dan di-ketepikan sa-belum di-masak dalam dapur yang telah di-panaskan sa-hingga 350 darjah.

Sa-telah di-banchoh dengan minyak bitumin atau tar dan masak, champoran batu, pasir dan minyak itu di-namkan "hot mix".

Untuk menyampaikan batu hot mix itu ka-jalan2 baharu yang hendak di-ratakan muka-nya beberapa orang kaki tangan dan buroh Pejabat Kerja Raya negeri ini di-tugaskan berkhidmat di-Berakas Depot.

Sungguh pun pada satu2 masa hanya kira2 30 orang sahaja di-kehendaki mengendalikan jentera hot mix itu tetapi oleh sebab beberapa perusahaan lain di-jalankan di-depot itu, bilangan kaki tangan di-Berakas Depot itu lebih 140 orang semua-nya.

Semenjak hujung bulan January yang lalu hot mix plant itu di-tugaskan mengeluarkan champoran hot mix untuk melapek jalan baharu di-antara Seria dengan Bandar Brunei.

Champoran itu di-hantar ka-Seria dengan beberapa buah lori Pejabat Kerja Raya dari pagi2 lagi.

Sekarang sa-telah bekerja hampir dua bulan sa-jauh 6 batu jalan baharu itu telah selesai dilapek dengan champoran hot mix.

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei,
Rabu, 4 March, 1959.

PERSAHABATAN ERAT BRUNEI DAN BRITAIN

Lawatan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh, suami Baginda Queen pada 28 February yang lalu ia-lah satu chetetan lagi dalam sejarah persahabatan antara Negeri Brunei dengan United Kingdom yang mula terjalin dalam tahun 1847 dengan perjanjian perdagangan dan menghapuskan lanun di-perayeran Brunei. Perhubungan Brunei dengan United Kingdom itu telah bertambah rapat dari masa ka-masa semenjak perjanjian itu.

Sa-telah di-meterikan perjanjian menjadi sa-buah negara naungan British dalam tahun 1888, dalam tahun 1906 Brunei telah pula ber-setuju menerima sa-orang pegawai British untuk menguruskan pertadbiran-nya.

Perhubungan persahabatan itu telah bertambah erat lagi oleh sebab beberapa orang keluarga Diraja British telah mengadakan lawatan muhibbah ka-Brunei mulai tahun 1922 dengan lawatan Prince of Wales yang sekarang ini menjadi Duke of Windsor. Perasaan muhibbah ra'ayat Brunei terhadap Kerajaan dan keluarga Diraja British juga telah bertambah dan terbukti dalam sambutan2 yang meriah kerana mengalu2kan kedatangan mereka itu ka-negeri ini.

Lawatan Duke yang baharu berlangsung itu ada-lah mengandungi satu maana yang besar pada sa'at keberangkatan Duli Yang Maha Mulia ka-London sa-bagai ketua satu rombongan yang akan merundingkan perlembagaan bertulis Negeri Brunei dengan wakil2 Kerajaan British.

Pemergian rombongan itu telah pun di-alu2kan oleh Duke yang telah mengirim sa-puchok kawat tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia.

Jika harapan Duke bahawa Duli Yang Maha Mulia akan bergembira dalam lawatan baginda ka-London itu dapat di-jadikan ukoran maka tidak shak lagi kejayaan akan di-chapai oleh rombongan itu dalam perundingan perlembagaan yang akan di-adakan-nya di-London itu kelak.

Kerajaan British tidak harus berasa bimbang dan ragu2 atas tuntutan yang hak daripada Duli Yang Maha Mulia. Perjanjian2 yang di-sebutkan di-atas tadi adalah mengakui bahawa Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Brunei ia-lah sa-orang Raja yang berdaulat. Sekarang masa-nya telah sampai bagi Duli Yang Maha Mulia menentukan chorak pemerintahan negeri baginda.

Yang di-tuntut itu ia-lah supaya anak2 negeri ini di-beri kuasa memerintah dalam negeri dan pegawai2 British menjadi penasihat mereka seperti yang di-maksudkan dalam perjanjian2 tersebut.

ROMBONGAN BAGI MENENTUKAN PERLEMBAGAAN

Negeri Brunei yang telah 50 tahun lebeh di-kuasai pemerintahan-nya oleh Kerajaan British sa-telah hidup merdeka beberapa kurun lama-nya tidak lama lagi akan melangkah sa-tapak besar ka-hadapan untuk mendapatkan sa-mula kemerdekaan-nya.

Pada 14 haribulan ini Duli Yang Maha Mulia bersama sembilan orang ahli Majlis Meshuarat Negeri dan sa-orang peguam, Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abd. Wahab bekas Menteri Besar Perak, sa-bagai penasihat akan berangkat ka-London kerana berunding dengan Setiausaha Pejabat Tanah



Tuan D. C. White




Dato Gantang

Jajahan British, Tuan Alan Lennox Boyd mengenai chorak pemerintahan Brunei bagi masa akan datang.

Chorak pemerintahan yang di-chadangkan sesuai untuk Brunei yang akan di-runding dan di-jangka mendapat persetujuan itu ia-lah satu perlembagaan yang bertulis yang berdasar demokrasi supaya ra'ayat negeri ini dapat mengambil bahagian dalam pemerintahan negeri-nya.

Rang perlembagaan itu telah di-binchangkan semenjak Duli Yang Maha Mulia mengumumkan chita2 baginda hendak memberi kuasa kepada ra'ayat dan rombongan yang akan pergi ka-London itu telah di-shorkan oleh



O. K. Shahbandar



P. H. A. Bakar

satu jawatan kuasa peranchang perlembagaan yang pada masa itu terkenal dengan nama "Tujoh Sa-rangkai" kerana mengambil sempena dari bilangan ahli2-nya yang bersama2 pergi ka-sana sini di-seluruh negeri untuk menerangkan hasrat Duli Yang Maha Mulia.

Jawatan kuasa itu terdiri dari Al-marhum Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Muda Kahar, Pehin Orangkaya Shahbandar Haji M. Salleh, Pehin Orangkaya Digadong, Pengiran

Ali b. Pengiran H. Md. Daud, Pengiran M. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Tuan Haji Abu Bakar.

Shor2 jawatan kuasa itu telah pun di-kemukakan oleh Duli



DULI YANG MAHA MULIA

Yang Maha Mulia kapada wakil2 Pejabat Tanah Jajahan di-London dalam tahun 1957. Dalam rundingan yang di-langsungkan dalam suasana muhibbah itu persetujuan telah di-chapai atas dasar pemerintahan sendiri dalam negeri.

Ini bermaana bahawa anak2



Duli P. Pemanha

Brunei akan di-beri kuasa dalam pertadbiran negeri dengan pegawai2 British menjadi penasihat mereka dan pemerintahan dalam negeri pula akan di-kuasai oleh ra'ayat menerusi beberapa buah majlis2 meshuarat seperti Majlis Meshuarat Daerah, Majlis Meshuarat Negeri dan lain2 lagi.

Kebanyakan dari ahli2 jawatan kuasa Tujoh Sa-rangkai itu ia-lah juga ahli2 rombongan perlembagaan yang akan berlepas ka-London tidak lama lagi itu.

Ahli2 rombongan itu ia-lah: Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha Haji Mohamed Alam, Yang Berhormat Pehin Da-



Inche Marsal



Dato H. Ibrahim

to Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim, Yang Berhormat Pehin Orangkaya Shahbandar

Haji Ahmad, Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun, Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran H. Md. Daud, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji M. Noor, Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar dan Yang Berhormat Pehin Orangkaya Laksamana Haji Mohamed Taha.

Rombongan itu akan di-sertai dalam perbincangan dengan Tuan Lennox Boyd kelak oleh Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Brunei, Dato Paduka Sir Anthony F. Abell, British Resident, Yang Berhormat Tuan D. C. White dan Yang Berhormat Penasihat Undang2 Brunei, Tuan Young.

Mereka itu telah berlepas sa-malam ka-London kerana menjelaskan kapada Tuan Lennox



P. Ali



P. Yusuf

Boyd kelayakan ra'ayat Brunei memerintah negeri dan kecekapan pegawai2 Brunei mentadbirkan negeri ini.

Untuk memperkenalkan ahli2 rombongan itu kapada ra'ayat di-bawah ini ia-lah serba sedikit pengamalan dan kelayakan mereka itu merundingkan perlembagaan dengan Tuan Lennox Boyd.

Duli Yang Maha Mulia (ketua rombongan) telah mengemukakan chita2 baginda hendak memberi kuasa pemerintahan kepada ra'ayat dan menghadkan kuasa British di-negeri ini sa-bagai penasihat sahaja dalam rundingan permulaan di-London dalam tahun 1957.

Yang demikian ra'ayat tidak harus khuatir seperti yang di-bayangkan oleh satengah2 gulo-



Jawatan Dalam



O. K. Laksamana

ngan bahawa perlembagaan itu mungkin merugikan ra'ayat dan negeri ini.

Jaminan bahawa perlembagaan itu ia-lah satu undang2 yang akan meninggalkan kedudukan ra'ayat dalam pemerintahan telah berulang kali di-umumkan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan2 agong baginda semenjak tahun 1953.

Lain2 ahli rombongan:

Duli Pengiran Pemanha, wazir kedua kapada Duli Yang Maha (Lihat Muka 5)

"TANAH NEGERI BRUNEI TERBUKTI SUBOR" — PEGAWAI

BANDAR BRUNEI. — Pendapat mengatakan bahawa tanah di-Brunei ini tidak subur dan tidak sa-suai untuk berchuchok tanam ada-lah bertentangan dengan pengalaman sa-bilangan ramai petani2 yang telah berjaya menanam pokok buah2an di-negeri ini.

Mereka itu telah beramai2 membuka tanah baharu dan menanam pokok2 berikutan dengan kejayaan Pejabat Tanaman menanam pokok buah2an di-pusat2 perchubuan tanaman.

Pegawai Tanaman Brunei, Inche Hamidon bin Awang bin Damit berkata bahawa pejabat-

nya sedang menemui kesusahan hendak membekalkan petani2 itu dengan pokok2 kawin yang diminta oleh petani2 itu.

Mereka itu berkehendakkan pokok2 buahan seperti rambutan, pulasan, manggis, limau manis dan durian.

Kerumitan itu hanya dapat diatasi jika petani2 itu bersetuju mengadakan tanah semaian bagi di-tanam dengan pokok2 yang mereka sukakan.

"Pegawai2 Pejabat Tanaman, kata Inche Hamidon, "akan melawat ka-semaian itu dan menchantunkam pokok2 yang dikehendaki apabila sampai masanya.

"Pegawai2 itu juga akan memberi panduan kepada petani2 sakira-nya mereka hendak menanam pokok2 buahan untuk di-jadikan dagangan."

Ranchangan Pertandingan Hockey Belait

KUALA BELAIT.—Lembaga Sukan Belait bahagian hockey akan melancarkan pertandingan hockey di-antatra pasokan2 hockey Belait pada awal bulan hadapan sa-lepas chuti Easter.

Keputusan ini telah di-ambil dalam persidangan pertama lembaga itu bagi tahun ini di-Shell Recreation Club, Seria pada hari Ithnin yang lalu.

Pertandingan itu ia-lah kerana menentukan johan di-antara pasokan2 yang mengambil bahagian dalam "knockout competition" kerana merebutkan piala Wernham.

Pasokan2 hockey Belait juga dikehendaki mengambil bahagian dalam pertandingan league hockey. Ini ia-lah untuk menentukan johan Lembaga Sukan bahagian hockey, Belait.

Pasokan2 yang hendak mengambil bahagian dalam kedua pertandingan itu ada-lah di-minta berhubung dengan setiausaha Lembaga Sukan Belait.

Di-antara lain2 keputusan yang di-ambil dalam persidangan itu ia-lah penubuhan jawatan kuasa kerja dan lembaga tata tertib.

SHARIKAT NA'BORONG TAWARAN

SENGKARAI. — Pemborong2 Melayu di-Sengkara, daerah Tutong, telah menubuhkan Sharikat Pemborong Melayu Sengkara dalam meshuarat yang di-adakan di-sini baharu2 ini.

Tujuan sharikat itu ia-lah untuk merebutkan tawaran kerajaan kerana pekerjaan borong yang berharga sa-hingga \$150,000.

Pengurus umum dan juga yang di-pertua sharikat tersebut Inche Abdul Ghani bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar berkata bahawa kerajaan telah pun membenarkan sharikat itu menjalankan kerja memborong itu.

Beliau berkata lagi bahawa sharikat itu mungkin membuka sa-buah kedai bekerjasama kerana

menjual barang2 keperluan dan lain2-nya.

Lain2 pegawai sharikat itu ia-lah : Penolong pengurus umum — Inche' Suhaimi bin Husain, setiausaha agong — Inche' Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar, penolong Setiausaha — Inche' Manan bin Polong, bendahari — Abang Anis bin Tinggal, penolong bendahari — Inche' Ramlee bin Isam dan pemeriksa kira2 — Inche' Mohamed Jaya bin Abdul Samad.

Ahli2 jawatankuasa tadbir : Inche' Ibrahim bin Kudeh, Inche' Metali Bakar, Inche' Rasil bin Haji Lamit, Inche' Zainal Abidin bin Imam Haji Md. Said dan Inche' Abdul Latif Gambong.

Pembunuhan di-Temburong

TEMBURONG. — Tiga orang laki2 Iban telah ditahan oleh Polis di-sini baharu2 ini ia-itu sa-telah di-jumpai mayat sa-orang tau-kej China di-Ujong Jalan daerah Pendaruan.

Isteri dan tiga orang anak tau-keh itu telah di-dapati terchedera. Mayat itu di-kenal sa-bagai Lim Thaiu Sim berumur 48. Istedi-nya yang terchedera itu ia-lah Ong Kim Teng. Kanak2 yang telah terchedera itu berumur dari 3 sampai 6 tahun.

TELAGA BAHARU

SERIA. — Sa-buah lagi telaga minyak di-pantai Brunei tidak jauh dari Sungai Binturan, di-timer-laut Tutong telah mula mengeluarkan minyak. Ini telah di-umumkan oleh Sharikat Shell di-sini baharu2 ini.

Telaga itu telah di-gali sa-dalam 1740 kaki dan mungkin akan di-dalam lagi sampai 10,000 kaki.

API BELUKAR ANCHAM BANDAR

MUARA. — Satu kebakaran yang hampir2 memusnahkan empat ekar belukar di-kawasan pekan ini yang terjadi pada tengah hari 22 February yang lalu telah di-padamkan dengan kerjasama pasokan bomba dan polis.

Sa-jurus sa-telah api itu di-ketahui pegawai2 polis dari balai polis Muara telah pergi berkawal di-tempat itu. Mereka tidak mempunyai alat pemadam api.

Kira2 20 minut kemudian pasokan bomba Brunei pun sampai tetapi telah kechewa di-sebabkan pam ayer kereta bomba mereka tergendala perjalanan-nya, dan dari itu tidak dapat memberi pertolongan dengan serta merta.

A.S.P. Pengiran Jaya, O.C.P.D Brunei telah mengetuai pegawai2 polis dan pasokan bomba dalam usaha memadamkan api itu dengan menggunakan ranting2 ka-

yu. Pada tempat kebakaran itu 8 atau 9 biji bom peninggalan perang Jepun di-dapati beberapa bulan dahulu.

Polis telah mengepong kawasan kebakaran itu kerana takut kalau2 ada lagi bom "hidup" yang belum di-dapati di-situ.

Rengkas Jawatan Ahli2

(Dari Muka 4)

ha Mulia ia-lah juga ketua Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan, Musharhat Sa-belum menjadi wazir, ahli Majlis Meshuarat Negeri dan ketua pejabat, Duli pengiran Pemancha telah berkhidmat di-berbagai2 pejabat dan telah mengambil bahagian dalam rundingan permulaan di-London dalam tahun 1957.

Dato Paduka Haji Ibrahim setiausaha sulit kapada Duli Yang Maha Mulia, telah menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri semenjak tahun 1946 dan telah berkhidmat dengan kerajaan lebeh 40 tahun Beliau ia-lah juga ahli rombongan tahun 1957.

Orangkaya Shahbandar Haji Ahmad, pegawai Daerah Brunei dan Muara, telah di-lantek menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri dalam tahun 1957. Beliau telah melawat ka-negeri2 Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1954 kerana memerhatikan perjalanan perlembagaan negeri2 itu.

Pengiran Ali, ahli Majlis Meshuarat Negeri semenjak tahun 1957 ia-lah Inspector sekolah2 Melayu Brunei yang telah berusaha bersama rakan sa-jawat-

KOLAM AYER BAHARU TASEK DAN BERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Rancangan kerajaan hendak membena bendong2 ayer untuk menjamin supaya bandar ini tidak kekurangan ayer pada masa hadapan hanya dapat di-jalankan dengan mengambil balek tanah2 yang terbabat dalam kawasan bendong itu.

Sa-bagaimana yang telah dialami bekalan ayer menjadi rumit tiap2 tahun apabila ayer dalam bendong Tasek itu susut pada musim kemarau.

Pembinaan bendong2 besar itu telah di-ranchangkan beberapa tahun dahulu dan bagi melaksanakan-nya wang sa-banyak \$4,-800,000 telah di-untukkan dalam tahun ini.

Bendong2 baharu itu akan di-bena di-Tasek dan di-Berangan.

Luas tanah yang akan diambil bakek itu ia-lah 202.61 ekar ia-itu semua atau sa-bahagian dari tanah yang terkandung dalam :

EDR. 867, 868, 808, 492, 493, 1764, 2074, 3828, 3044, 896, 894, 1724, 869, 612, 2280, 1389, 1680, 1898, 4032, 495, 496, 656, 4490, 3391, 4600, 371, 370, 256, 3476, 8 dan 4601.

nya Inche Marsal mengembangkan pelajaran Melayu di-Brunei.

Dalam tahun 1954 beliau melawat ka-Malaya kerana memerhatikan perjalanan perlembagaan negeri Melayu dan dalam tahun 1955 pergi ka-London kerana memerhatikan chara mengembangkan pelajaran di-United Kingdom.


Pengiran M. Yusuf, ahli Majlis Meshuarat semenjak tahun 1957 ia-lah Pegawai Penerangan Negeri. Beliau telah mengambil bahagian dalam rundingan perlembagaan di-London dalam tahun 1957.

Pengiran Haji Abu Bakar, ahli Majlis Meshuarat Negeri semenjak tahun 1957 ia-lah Pegawai Daerah Tutong. Beliau telah masuk dalam perkhidmatan kerajaan dalam tahun 1929.

Jawatan Dalam Haji M. Noor, sa-orang saudagar Melayu yang telah di-lantek menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri dalam tahun 1957. Beliau telah melawat ka-beberapa buah negeri di-Timor Dekat dan Timor Jauh.

Orangkaya Laksamana Haji M. Taha, sa-orang pandai perak dan ahli Majlis Meshuarat semenjak tahun 1957. Beliau telah melawat ka-negeri2 tetangga Brunei.


GAMBAR2 LAWATAN DUKE KA-BRUNEI



Ini ialah setengah2 dari gambar2 lawatan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh ka-Brunei pada 28 February lepas. Di-atas Duke kelihatan memeriksa barisan kehormatan Polis Brunei yang di-ketuai oleh A.S.P. Pengiran Jaya.



Dalam gambar di-tengah Duke tertarik hati kepada sa-keping gambar lukisan Awangku Asmaili sa-orang murid SOAS kolej, Bandar Brunei yang telah mendapat panduan melukis daripada Tuan M. Bastians, guru lukisan kolej tersebut. Damar di-bawah menunjukkan Duke hendak berjabat tangan dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri di-ruangan tetamu Istana Darul Hana.



Penyakit Kerongkong Bunoh Tiga Kanak2

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang kanak2 dari kawasan Bandar Brunei telah mati dalam dua bulan pertama tahun ini sa-telah di-serang oleh penyakit kerongkong.

Kematian itu ia-lah di-antara tujuh orang kanak2 yang di-serang oleh penyakit itu dalam masa tersebut.

Pegawai Kesihatan Brunei, Dr. M.A. Rozalla berkata bahawa penyakit yang sangat merbahaya dan mudah berjangkit itu kerap kali di-dapati di-Negeri Brunei.

Dalam tahun lepas lima orang daripada delapan orang kanak2 yang di-serang oleh penyakit kerongkong telah mati di-negeri ini.

Angka kematian dari penyakit kerongkong itu di-fikirkan tinggi dan untuk menjauhi-nya ibu2 ada-lah di-nasihatkan menjaga anak2 mereka yang berumur kurang dari 10 tahun.

Kawalan dari penyakit itu ia-lah dengan memberi ubat chuchok penyakit kerongkong kepada kanak2 yang belum berumur 10 tahun.

Untuk memberi ubat chuchok itu jabatan luar rumah sakit besar Bandar Brunei di-buka khas sa-lama sa-jam dari pukul 1.30 tengah hari tiap2 hari Thalatha dan Khamis.

Jabatan luar itu tidak di-buka jika hari tersebut itu hari kelepasan am.

Dr. Rozalla berkata lagi bahawa ubat chuchok itu bukan sahaja mengawal kanak2 dari penyakit kerongkong tetapi ia juga akan menjauhkan penyakit batuk kokol dan penyakit tetanus.

Tiap2 saorang kanak2 akan di-chuchok tiga kali ia-itu sa-kali sa-bulan.

Kerja itu telah di-jalankan mulai sa-malam.

Penanaman padi chara Australia di-Brunei?

BANDAR BRUNEI. — Penanaman padi mengikut chara2 yang telah mendapat kejayaan di-Australia mungkin di-chuba di-negeri ini apabila Pegawai Tanaman Brunei, Inche Hamidoon bin Awang Damit balek dari lawatan-nya ka-Australia dalam bulan April hadapan ini.

Inche Hamidoon telah berlepas dengan kapal terbang ka-New South Wales, Australia, kerana menyaksikan bagaimana petani2 Australia membekalkan sawah2 mereka dengan ayer di-lembah Sungai Murrumbidgee itu.

Inche Hamidoon akan juga melihat kawasan2 sawah tuladan dan kebun2 perhubungan di-Yanca.

Sa-masa berada di-lembah Murrumbidgee, beliau akan berpeluang melihat petani2 Australia mengetam padi mereka. Padi di-kawasan itu di-tanam dalam bulan October dan mula menguning dalam bulan March.

Pemergian Inche' Hamidoon itu ia-lah dengan perbelanjaan Kerajaan Brunei untuk memerhatikan peratoran2 penanaman padi Australia yang sesuai bagi di-laksanakan di-Brunei kelak.

Inche' Hamidoon telah juga melawat ka-Ceylon kerana memerhatikan chara pertanian penduduk2 kampung.

Beliau telah mendapat pengalaman dalam lawatan ka-pusat2 pertanian di-United Kingdom dan Belanda beberapa tahun dahulu.

EMPAT JENTERA DI-KHIANATKAN

TUTONG.—Empat buah jentera penyodok tanah di-dapati di-khianatkan di-batu 2½ Jalan Kuala Abang lebeh kurang 10 batu dari sini.

Jentera2 yang telah di-rosakkan itu ia-lah sa-buah roller, jentera perata tanah jenis Barford 99H dan dua buah kereta lipan jenis D.4.

Jentera2 itu telah di-dapati diisi dengan batu dan pasir dalam tangki2 minyak ayer dan saloran asap-nya.

Pengkhiranatan itu telah diketahui tatkala pemandu2 kereta itu memeriksa jentera masing2 pada pagi itu.

Kerosakan itu telah di-adukan kepada polis.

Workshop Bolot 3 Gelaran — Johan League I

Ahli2 Palang Merah Berlateh

BANDAR BRUNEI. — P.W.D. Workshops telah menjadi johan dalam perlawanan bola sepak league pertama di-bawah anjoran Brunei Town Amateur Football Association yang telah berlangsung baharu2 ini. Naib-johan ialah pasukan administration department.

Jabatan Pelajaran telah menjadi johan dalam perlawanan bola sepak league kedua, dan Building Section P.W.D. menjadi naib johan.

Sa-lain dari memenangi gelaran johan bola sepak league pertama, P.W.D. Workshops juga telah menjadi johan dalam perlawanan 6 orang satu pesokan yang telah di-adakan di-padang besar di-sini pada 27 February, manakala pasukan itu mengalahkan pasukan Police dengan 4 gol berbalas 1.

Satu perlawanan khas bola sepak antara pasukan P.W.D. Workshops, johan league pertama dengan pasukan Jabatan Pelajaran, johan league kedua telah di-adakan di-padang besar di-sini pada petang hari Ahad 1 March.

Dalam perlawanan tersebut pasukan P.W.D. Workshops telah mengalahkan pasukan Jabatan Pelajaran dengan 2 gol berbalas 1.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam perlawanan2 tersebut telah di-sampaikan oleh British Resi-

dent, Brunei, Yang Berhormat Tuan D.C. White di-padang besar pada petang hari Ahad 1 March.

JABATAN2 KERAJAAN TEWASKAN TEMBURONG

BANDAR BRUNEI. — Pasokan bola sepak jabatan kerajaan di-Bandar Brunei telah mengalahkan pasukan bola sepak Temburong dengan 6 gol berbalas 2 dalam satu perlawanan sachara persahabatan di-padang besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 21 February.

Awang Tahir bin Husin dari Jabatan Marine telah menjaringkan 3 gol, Aziz bin Abdul Latiff 2 gol dan Ismail bin Mohamed 1 gol bagi pasukan jabatan2 Kerajaan di-Bandar Brunei.

Ah Kuang telah menjaringkan 2 gol bagi pasukan Temburong.

JOHAN LUMBA LARI EMBAT BATU MELALUI KAMPONG

BANDAR BRUNEI. — Joseph Chen, sa-orang penuntut form 3, Sultan Omar rAli Saifuddin College telah sa-kali lagi menjadi johan perlumbaan melalui jalan2 raya dan kampung2 sa-jauh 4 batu yang telah di-adakan oleh maktab itu pada petang hari Rabu, 25 February, 1959 dalam mengambil masa 26 minit 5 saat.

Sa-lain dari menyandang gelaran tersebut dua tahun berturut2, Joseph ia-lah johan perlumbaan bagi sa-negeri Brunen.

Dalam perlumbaan itu, Chen Yin Wah, adek Joseph jatuh nombor dua dan saudara kembar-nya Chen Din Shell, nombor tiga.


Dalam perlumbaan kerana merebutkan piala perak yang di-ha-

diahkan oleh Booty and Edward, Brunei, antara rumah2 maktab itu, rumah Pemancha telah menjadi johan dua tahun berturut2, naib johan pasukan rumah telah di-menangi oleh rumah Maharaja Lela, ketiga oleh rumah Bendahara dan keempat rumah Kerma Indra.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Tuan M. J. Hurley, bekas naib yang di-pertua Brunei amateur athletic association.

Dalam pada itu, sa-ramai 18 orang penuntut2 S.O.A.S. College, terdiri dari 3 pasukan akan masuk bertanding dalam perlumbaan melalui hutan dan kampung2 yang akan di-adakan di-Seria pada 7 March, 1959.

Mereka itu sedang giat berlatah kerana perlumbaan tersebut.



Gambar di-atas dari kiri: Awangku Che Din Pengiran Kerma Indera dan Tuan Sheikh Othman bin Hanif, jurulatah Persatuan Palang Bandar Brunei. Membongkok di-atas "orang sakit" ia-lah Inche Rafar.

AHLI2 PALANG MERAH NA' DI-HANTAR KA-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang ahli Persatuan Palang Merah Brunei mungkin di-hantar ka-Persekutuan Tanah Melayu pada masa di-adakan temasha pertunjukan MAHA dalam bulan August hadapan untuk memerhatikan ahli2 Palang Merah Persekutuan menjalankan tugas mereka.

Rombongan itu akan mengandungi sa-orang atau dua pemuda Brunei yang menjadi ahli persatuan tersebut.

Chadangan itu telah di-kemukakan oleh Inche Abdul Ghani bin Jamil sa-orang pengarah Persatuan Palang Merah Brunei.

Pemudi itu akan di-pilih dari lebeh kurang 30 orang gadis yang

sekarang ini menjadi ahli persatuan itu.

Gadis2 dalam persatuan itu adalah di-beri latehan mengenai kerja2 kebajikan. Ini termasuklah penyiasatan atas tanggungan2 orang yang di-timpa kemalangan.

Sa-lain dari itu ahli2 persatuan itu mempelajari chara memberi pertolongan chemas dan rawatan.

Saperti lain2 persatuan kebajikan ahli2 Persatuan Palang Merah bersedia memberi bantuan bila2 di-kehendaki.

Sa-masa lawatan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh ka-Brunei pada hujung bulan lalu mereka telah berjaga untuk memberi rawatan kepada orang ramai yang telah datang ka-Brunei mengalu2kan kedatangan Duke.

Persatuan Palang Merah Brunei di-bahagi kepada dua persatuan—Persatuan Palang Merah Brunei dan Persatuan Palang Merah Seria-Belait.

Persatuan di-Brunei itu di-ke-tuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Inedra Mohamed dan yang di-Seria Belait itu oleh Puan R.E. Hales.

PERSATUAN PERMAINAN PIMPONG BRUNEI

SERIA. — Penggemar2 permainan pimpong telah menubuhkan Persatuan Pimpong sa-Negeri Brunei dalam satu meshuarat yang telah di-langsungkan di-sini baharu2 ini.

Majlis itu telah juga melantek pegawai2 sementara-nya untuk menggubal rang undang2 persatuan tersebut seperti berikut :—

Pengurus—Tuan John Leong, setiausaha — Tuan Cheah Boon Gin, jawatan kuasa — Tuan J. Barnard, Tuan Poh Soo Jin, Tuan S. J. Pereira dan Puan Wendy Chan.

BOLA SEPAK PERSAHABATAN

BANDAR BRUNEI. — Satu perlawanan bola sepak sachara persahabatan telah di-langsungkan di-padang besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 22 February yang lalu, dalam mana pasukan talikom Bandar Brunei telah mengalahkan pasukan talikom Kuala Belait dengan 3 gol berbalas 2.

Ketiga2 gol bagi pasukan talikom Bandar Brunei telah di-jaringkan oleh Johnny Marcus.

Kassim telah menjaringkan satu gol bagi pasukan talikom Kuala Belait, tetapi gol kedua bagi pasukan Kuala Belait telah di-jaringkan oleh Ahmad Tudin dari Bandar Brunei ka-dalam pintu gol-nya sendiri.

RANCHANGAN MELAYU RADIO BRUNEI

RABU, 4 MARCH

Tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 12.32 Lagu2 langgam
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 1.05 Lagu2 hiboran
- 1.30 Rehat

Malam

- 7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 7.01 Lagu2 hiboran
- 7.15 Cherita pendek — menyiarkan cherita2 yang di-terima dari pada pendengar2 — Penerbit: Jamil Abdullah
- 7.30 "Tahniah dan ucapan selamat" — Di-terbitkan Oleh P. Muhammad
- 8.00 Bintang malam
- 8.15 Ranchangan kaum ibu oleh Halimah Hussein
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 8.45 Hiboran
- 9.00 Siaran Melayu tamat

KHAMIS, 5 MARCH

Tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 12.32 Lagu2 berunsor ugama
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 1.05 Lagu2 Mesir
- 1.30 Rehat

Malam

- 7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 7.01 Bachaan Koran
- 7.30 Kasidah dan lagu2 Mesir
- 8.00 Islam di-zaman Nabi2, renchana mengesahkan perkembangan Ugama Islam di-zaman Nabi di-terbitkan oleh Yusoff H.K.
- 8.15 Pelajaran Ugama di-udara oleh Che'gu Salleh
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 8.45 Hiboran
- 9.00 Siaran Melayu tamat

JUMA'AT, 6 MARCH

Tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 12.32 Bachaan Koran dan Sharahan Ugama
- 1.00 Sembahyang Juma'at di-Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin
- 1.30 Tamat

Malam

- 7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 7.01 Hiboran
- 7.15 "Lama dan Baru" — Di-terbitkan oleh Dk. Intan
- 7.30 Hiboran oleh Pancharagam tempatan (ulangan)
- 8.00 Lagu2 permintaan sukaramai oleh Dk. Intan
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 8.45 Irama Hawaiian oleh P. Muhammad
- 9.00 Siaran Melayu tamat

SABTU, 7 MARCH

Tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 12.32 Lagu2 hiboran
- 12.45 Lagu2 irama baru
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 1.05 Lagu2 permintaan hujung minggu — di-susun dan di-terbitkan oleh Jamil Abdullah
- 1.30 Tamat

Malam

- 7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 7.01 "Majallah Radio" di-terbitkan oleh Jamil Abdullah
- 7.30 Lagu2 pilihan sendiri sa-orang pendengar di-jemput datang ka-Studio untuk memilih lagu2 kesukaan-nya, penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir
- 8.00 Ruangan kanak2 — di-terbitkan oleh Halimah Hussein
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 8.45 "Tidor-lah Intan" Di-terbitkan oleh Jamil Abdullah
- 9.00 Siaran Melayu tamat

AHAD, 8 MARCH

Tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 12.32 Hiboran oleh Nirwara Okes- dbp. P. Yunus P.K.I.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 1.05 Menekmati lagu2 film
- 1.30 Cherita pendek (siaran ulangan)
- 1.45 Ruangan mana suka
- 2.00 Rehat

Malam

- 7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan
- 7.01 Lagu2 Mesir, Penerbit: Yusoff Hj. Abd. Kadir
- 7.15 Ruangan masaka2an, penerbit: Halimah Hussein
- 7.30 Lagu2 permintaan sukaramai oleh Dk. Intan
- 8.15 Ruangan bahasa dan kesustraan, Penerbit: Jamil Abdullah
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 8.45 Hiboran
- 9.00 Siaran Melayu tamat

Malaya Terima Tawaran Brunei

KUALA LUMPUR. — Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu dalam persidangan di-sini pada 19 February telah memersetujui Kerajaan Persekutuan menerima pinjaman wang sa-banyak \$100,000,000 yang di-tawarkan oleh Kerajaan Brunei dalam tahun lepas.

Pinjaman itu akan di-beri dengan wang Sterling dan di-bayar balek dengan wang Sterling menerusi pasaran wang London.

Pada masa mengeshorkan penerimaan pinjaman itu, Menteri Kewangan Persekutuan, Sir Henry Hau-shik Lee berkata pinjaman itu di-beri dengan chara beransor2. Ansoran pertama sa-banyak \$40 juta dalam bulan April hadapan ini, ansoran kedua \$40 juta dalam bulan April tahun hadapan dan ansoran ketiga dan penghabisan sa-banyak \$20 juta dalam bulan April 1961.

Pinjaman itu akan di-bayar balek dalam masa 30 tahun dan akan di-kenakan faedah atas kadar 3½ peratus bagi 15 tahun pertama dan 4½ peratus bagi 15 tahun kedua.

Sir Henry telah menutup ucapan-nya dengan melafazkan terima kasih Kerajaan Persekutuan

Tanah Melayu kepada Kerajaan Brunei atas pinjaman itu.

Sir Henry berkata: "Saya suka menguchapkan sa-kali lagi terima kasih kita kepada Duli Yang Maha Mulian Sultan Brunei dan ra'ayat baginda kerana kemurahan hati mereka."

Sambutan Miraj

BANDAR BRUNEI. — Guru2 dan murid2 darjah2 ugama Sultan Omar Ali Saifuddin College, telah mengadakan satu majlis sambutan mi'raj di-dewan maktab itu baharu2 ini.

Bachaan Koran dan sharahan atas hari kebesaran Islam itu telah di-lafazkan oleh beberapa orang di-majlis itu.

KEPUTUSAN PERTANDINGAN BERCHUCHUL DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Peraduan2 dan perlawanan2 yang telah di-adakan di-Bandar Brunei sa-masa lawatan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh ka-Brunei pada 28 February, 1959 telah di-putusan seperti berikut:

Peraduan berchuchul antara pejabat2 kerajaan, pejabat Kerjanya bahagian bangunan telah mendapat hadiah pertama dan Pejabat Tanam2an hadiah kedua.

Peraduan perarakan laut; 1 Kampong Pengiran Pemancha Lama — \$600, 2 Kampong Bakut Berumput — \$400 dan 3 Kampong Sabah Ujong — \$300. Kampong2 yang mendapat hadiah2 sagu hati ia-lah Kampong Sabah Laut dan Kampong Peramu. masing2 mendapat \$100.

Peraduan berchuchul bagi kampong2 Ayer: 1 Kampong Pengiran Pemancha Lama — \$500; 2 Kampong Bakut Berumput — \$300; 3 Kampong Lurong Sikuna — \$200 dan kampong2 yang mendapat hadiah sagu hati ia-lah Kampong Pandai Besi 'B'; Kampong Saba Ujong dan Kampong Ujong Tanjong, satu2-nya mendapat hadiah \$50.

Peraduan berchuchul antara bangunan2 (sharikat2), Bangunan Hongkong and Shanghai Bank telah mendapat hadiah yang terbaik sa-kali ia-itu sa-biji piala perak. Persekutuan Orang2 India telah mendapat hadiah pertama — \$50; Kedai Kopi Leong Yu hadiah kedua — \$30 dan kedai Lim Soo Jin ketiga — \$20.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh British Resident Y.B. Tuan D.C. White di-Padang Bandar Brunei sa-lepas perlawanan bola sepak khas di-adakan diantara

Pejabat Kerjaya bahagian Workshop dengan Pejabat Pelajaran pada 1 March, 1959.

Barisan Hormat Pasokan Polis

(Dari Muka 1)

terbang di-Berakas oleh Duli Yang Maha Mulia dan pegawai2 tinggi Kerajaan Brunei termasuk Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Brunei, Dato Paduka Sir Anthony Abell.

Di-lapangan terbang tersebut satu barisan kehormatan yang terdiri dari satu pasokan Polis dan pancharagam Polis Brunei telah di-periksa oleh Duke.

Sa-panjang jalan dari lapangan kapal terbang ka-Istana Darul Hana sa-jauh 5 batu itu murid2 dari sekolah2 Melayu, Inggeris dan China telah melambai2kan bendera Brunei dan bendera Union Jack mengalu2kan Duke.

Yang Teramat Mulia itu telah sampai dari Sarawak pada pukul 9.20 pagi. Di-Seria beliau telah melawat kawasan padang minyak dan di-sambut oleh pegawai2 Sharikat minyak B.S.P. dan pegawai2 tinggi kerajaan dari Belait dan Seria.

Lawatan itu di-jadualkan untuk sa-hari sahaja.

Tepat pada pukul 9 pagi esoknya, ia-itu 1 March beliau berangkat dengan kapal terbang ka-Jesselton, Borneo Utara.